



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR**

**NASKAH MEJA TAWARAN**

**TAJUK:**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN  
DALAMAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN DI  
KEDIAMAN RASMI YAB. DATO'MENTERI BESAR  
SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2)  
TAHUN (2021 – 2023)**

**NO. SEBUT HARGA : SH /SUKSEL/08-2021**

**NAMA SYARIKAT:  
(Cap Syarikat)**

**HARGA DOKUMEN : RM 30.00  
TARIKH IKLAN : 12 APRIL 2021 (ISNIN)  
TARIKH JUAL : 14 APRIL 2021 (RABU)  
TARIKH TUTUP : 20 APRIL 2021 (SELASA)  
(Jam 12.00 tengahari)**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
URUS SETIA PEROLEHAN  
UNIT PENTADBIRAN AM BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
TINGKAT 18 BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40503 SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN  
Laman Web: [tender.selangor.my](http://tender.selangor.my)**

NO.

**SENARAI SEMAK**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DALAMAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN DI KEDIAMAN RASMI YAB. DATO'MENTERI BESAR SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (2021 – 2023)- SH/SUKSEL/08-2021**

Sila tandakan  bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

| B IL.                       | PERKARA/ DOKUMEN   | UNTUK<br>DITANDA OLEH<br>SYARIKAT | UNTUK DITANDA OLEH<br>JAWATANKUASA<br>PEMBUKA SEBUT<br>HARGA |
|-----------------------------|--|-----------------------------------|--|
| <b>SAMPUL TAWARAN HARGA</b> |  |                                   |  |
| 1.                          | Syarat-Syarat Am Tender<br><b>LAMPIRAN A</b>   | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 2.                          | Surat Akuan Pembida<br>(Telah Ditandatangani) - <b>LAMPIRAN B</b>  | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 3.                          | Surat Perwakilan Kuasa<br>(Telah Ditandatangani) - <b>LAMPIRAN C</b>   | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 4.                          | Keterangan Mengenai Petender<br><b>LAMPIRAN D</b>  | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 5.                          | Surat Akuan Petender<br><b>LAMPIRAN E</b>  | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 6.                          | Perakuan Petender<br><b>LAMPIRAN F</b>   | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 7.                          | Jadual Tawaran Harga – <b>Lampiran G</b>   | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 8.                          | Senarai Harga Yang Dipersetujui<br><b>LAMPIRAN H</b>   | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 9.                          | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat<br>Daripada Kementerian Kewangan<br>Malaysia - <b>LAMPIRAN I</b>  | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 10.                         | Salinan Sijil Akuan Kontraktor Syarikat<br>Bumiputera Daripada Kementerian<br>Kewangan Malaysia - <b>LAMPIRAN J</b>  | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 11.                         | Laporan Kewangan Syarikat Yang<br>Telah Diaudit dan Salinan Penyata<br>Bulanan Akaun Bank Yang Telah<br>Disahkan Oleh Pihak Bank bagi Tiga (3)<br>Bulan Terakhir (Januari, Februari dan<br>Mac 2021) - <b>LAMPIRAN K</b> | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 12.                         | Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan<br>(CJCP)dari Jabatan Kastam Diraja<br>Malaysia ( <i>jika berkaitan</i> )<br><b>LAMPIRAN L</b>   | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |
| 13.                         | Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat<br>Dengan Unit Perancang Ekonomi<br>Negeri (UPEN) <b>LAMPIRAN M</b>   | <input type="checkbox"/>          | <input type="checkbox"/>                                     |

| BIL.  | PERKARA/ DOKUMEN   | UNTUK<br>DITANDA OLEH<br>SYARIKAT   | UNTUK DITANDA OLEH<br>JAWATANKUASA<br>PEMBUKA SEBUT<br>HARGA |
|---|--|---|--|
| 14.   | Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat/ Lawatan Tapak- <b>LAMPIRAN N</b>     | <input type="checkbox"/>  | <input type="checkbox"/>                                     |
| 15.   | Resit Pembayaran Pembelian Dokumen Sebut Harga - <b>LAMPIRAN O</b>         | <input type="checkbox"/>  | <input type="checkbox"/>                                     |
| 16.   | Profil Syarikat - <b>LAMPIRAN P</b>  | <input type="checkbox"/>  | <input type="checkbox"/>                                     |
| 17.   | Arahan Perbendaharaan 170<br><b>LAMPIRAN Q</b>                             | <input type="checkbox"/>  | <input type="checkbox"/>                                     |
| <b>SAMPUL TAWARAN TEKNIKAL</b>  |  |   |  |
| 18.   | Spesifikasi Dan Ringkasan Skop Kerja<br><b>LAMPIRAN R</b>                  | <input type="checkbox"/>  | <input type="checkbox"/>                                     |
| 19.   | Senarai Pengalaman Kerja Yang Berkaitan - <b>LAMPIRAN S</b>                | <input type="checkbox"/>  | <input type="checkbox"/>                                     |
| 20.   | Senarai Kerja Yang Sedang Dilaksanakan - <b>LAMPIRAN T</b>                 | <input type="checkbox"/>  | <input type="checkbox"/>                                     |
| 21.   | Senarai Peralatan Yang Dimiliki<br><b>LAMPIRAN U</b>                       | <input type="checkbox"/>  | <input type="checkbox"/>                                     |
| 22.   | Laporan Penyelia Projek Atas Prestasi Kerja (Borang A) - <b>LAMPIRAN V</b> | <input type="checkbox"/>  | <input type="checkbox"/>                                     |
| <p style="text-align: center;"><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarikat-syarikat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :<br/>Jawatan :<br/>Tarikh :</p> <p>Tandatangan Saksi:</p> <p>Nama :<br/>Jawatan :<br/>Tarikh :</p> |  | <p style="text-align: center;"><b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b></p> <p>Jawatan Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama :<br/>Jawatan :<br/>Tarikh :</p> <p>Tandatangan Saksi :</p> <p>Nama :<br/>Jawatan :<br/>Tarikh :</p> |  |
| <p><i>Arahan kepada syarikat:</i><br/>Dokumen Tawaran Harga dan Tawaran Teknikal <b>WAJIB</b> dikemukakan dalam Dua (2) Sampul Surat Yang Berasingan Dan Berlakri.</p>  |  |   |  |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR**

**SAMPUL TAWARAN HARGA**

**TAJUK:**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN  
DALAMAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN DI  
KEDIAMAN RASMI YAB. DATO'MENTERI BESAR  
SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2)  
TAHUN (2021 – 2023)**

**NO. SEBUT HARGA : SH /SUKSEL/08-2021**

**NAMA SYARIKAT:  
(Cap Syarikat)**

**HARGA DOKUMEN : RM 30.00  
TARIKH IKLAN : 12 APRIL 2021 (ISNIN)  
TARIKH JUAL : 14 APRIL 2021 (RABU)  
TARIKH TUTUP : 20 APRIL 2021 (SELASA)  
(Jam 12.00 tengahari)**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
URUS SETIA PEROLEHAN  
UNIT PENTADBIRAN AM BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
TINGKAT 18 BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40503 SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN  
Laman Web: [tender.selangor.my](http://tender.selangor.my)**

NO.

## 1. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1.1 Kelayakan Penender

Penyebutharga hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Bertaraf Bumiputera dengan kod bidang seperti berikut (Penyebutharga yang tidak mempunyai kod bidang berkaitan, akan ditolak):

| KOD BIDANG | PERKARA  |
|------------|--|
| 221001     | Kebersihan Dan Rawatan - Pembersihan Bangunan Dan Pejabat; Dan |
| 221002     | Kebersihan Dan Rawatan - Membersih Kawasan; Dan                |
| 221003     | Kebersihan Dan Rawatan - Mengangkat Sampah                     |
| 222104     | Pertanian/Tanaman/Ladang/Taman/Hutan dan Ladang Hutan          |

**\*\* Syarikat mestilah mempunyai Gred, Kategori dan Pengkhususan di dalam skop kerja yang terlibat.** Kontraktor yang tidak mempunyai Gred, Kategori dan Pengkhususan tersebut, dokumennya akan ditolak.

**\*\* Mematuhi Perintah Gaji Minimum 2020 diwartakan pada 1 Februari 2020 sebagai P.U.(A) 5/2020.**

### 1.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

Dokumen Tawaran Harga dan Tawaran Teknikal hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berasingan dan berlakri. Setiap sampul hendaklah dilabelkan **“TAWARAN HARGA”** dan **“TAWARAN TEKNIKAL”** dan dicatatkan tajuk dan nombor Tender pada penjuru atas sebelah kiri kedua-dua sampul surat. Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat besar berlakri; tanpa terdapat apa-apa tanda yang membolehkan identiti Penender dikenali dan ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat tersebut dengan tajuk seperti berikut:

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DALAMAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN DI KEDIAMAN RASMI YAB. DATO’MENTERI BESAR SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (2021 – 2023)** dan dikembalikan ke alamat:

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
 UNIT PENTADBIRAN AM BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
 TINGKAT 18 BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
 40503 SHAH ALAM  
 SELANGOR DARUL EHSAN

Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **20 APRIL 2021 (Selasa)** sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari dan tawaran yang lewat diterima **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

## 1.3 Tempoh Sah Laku Sebut Harga

Tempoh sah laku Sebut Harga adalah **seratus dua puluh (120) hari** dari tarikh iklan Tender ditutup.

## 1.4 Pindaan

Kerajaan berhak meminda atau membatalkan mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada pelawaan Sebut Harga ini, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu tanpa menguatkuasakan perubahan dalam polisi atau membetulkan mana-mana yang silap, tertinggal, tidak jelas atau tidak selaras yang mungkin timbul selepas pelawaan Sebut Harga ini dikeluarkan.

## 1.5 Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen sebut harga akan menjadi sebahagian daripada kontrak dan tiada pindaan akan dibuat pada mana-mana bahagian di dalam dokumen sebut harga ini melainkan mendapat kelulusan daripada Pengawai Penguasa.
- b) Harga-harga dalam sebut harga hendaklah mengambil kira semua kos berkaitan perolehan yang dimaksudkan bagi penyediaan kerja dengan sempurna.
- c) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan atau perubahan harga akibat daripada perubahan kos di dalam pasaran semasa.

## 1.6 Tawaran Dan Penolakan Sebut Harga

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dan tiada sebab akan diberi di atas penolakan mana-mana sebut harga tersebut.

## 1.7 Memulakan Kerja

Sekiranya Kontraktor gagal mematuhi syarat yang dinyatakan di dalam Surat Setuju Terima tanpa apa-apa sebab yang munasabah, Kerajaan berhak membatalkan kontrak tersebut.

## 1.8 Perubahan Spesifikasi

Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor boleh mengubah penentuan spesifikasi dan perkhidmatan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada Petender melalui surat sekiranya ada.

## 1.9 Peraturan Bayaran

Tuntutan akan dimajukan ke Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan. Bayaran penuh setiap bulan hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja-kerja dengan sempurna pada bulan tersebut. Invois dan rekod kerja hendaklah

dihantar sebelum atau pada 10hb bulan berikutnya. Pengesahan dari penyelia mengenai kesempurnaan kerja hendaklah dihantar semasa membuat tuntutan.

## 1.10 Maklumat Latar Belakang, Kewangan Dan Prestasi Syarikat

- a) Penyebutharga hendaklah mengambil maklum bahawa sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan Penyebutharga untuk melaksanakan perkhidmatan, di samping kemunasabahan harga. Justeru itu keupayaan syarikat akan dinilai semasa penilaian tender. Antara penilaian yang akan dibuat berasaskan **kedudukan kewangan, pengalaman kerja, tenaga kerja dan prestasi kerja**.
- b) Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup dan akan berkuat kuasa selama dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebutharga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa perkhidmatan berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan. Untuk membolehkan penilaian dibuat, syarikat dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bersama-sama dokumen sebut harga. Dokumen-dokumen ini sangatlah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat ke atas Syarikat. **(Sekiranya Penyebutharga tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan, dokumen Sebut Harga akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan)**.
- c) Sekiranya penyebutharga gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen yang berkaitan dan maklumat serta data-data yang tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidakcukupan dokumen tersebut, penilaian keupayaan Kontraktor dianggap tiada.
- d) Semua borang-borang maklumat hendaklah diisi dengan maklumat yang benar dan data-data yang tepat.
- e) Semua maklumat dan dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan oleh penyebutharga bersama-sama dokumen sebut harga sebelum tarikh tutup sebut harga dan Kontraktor tidak dibenarkan mengemukakannya selepas itu. Sebarang maklumat atau mana-mana dokumen yang diterima selepas sebut harga ditutup, tidak akan diambil kira dalam penilaian keupayaan Syarikat.
- f) Sekiranya syarikat didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok **(withhold)** atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, dokumen sebut harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

## 1.11 Pematuhan Kepada Undang-Undang Dan Peraturan Kerajaan

Pihak Syarikat adalah dikehendaki mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan yang berkuatkuasa semasa pelaksanaan kerja / perkhidmatan. Kegagalan didalam mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang tersebut sehingga dikenakan tindakan undang-

undang, denda atau seumpamanya adalah dibawah tanggungjawab Syarikat sendiri.

## 1.12 Harga Tawaran

- a) Harga-harga yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun serta kos tambahan yang berkaitan seperti pembungkusan, penghantaran dan lain-lain kos yang bersangkutan dengan perkhidmatan yang ditawarkan.
- b) Kadar harga yang ditawarkan dalam Jadual Harga di **Lampiran G** adalah hasil daripada perkiraan yang dibuat berdasarkan spesifikasi yang terkandung dalam Lampiran ini. Semua item yang disenaraikan dalam Lampiran ini perlu diisi. Jika terdapat item yang tidak dikenakan bayaran, maka PenyebutHarga perlu menyatakannya sebagai "tidak dikenakan bayaran bagi item ini".

## 1.13 Jika terdapat apa-apa perbezaan dalam pengiraan di dalam sebut harga ia akan dibetulkan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut:

- a) Jika terdapat perbezaan di antara jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam **bentuk perkataan akan diambilkira**; dan
- b) Jika terdapat perbezaan di antara kadar unit dan jumlah yang didapati daripada pendaraban kadar unit dan bilangan, **kadar unit yang dicatitkan akan diambilkira**.
- c) Pihak Urus Setia akan membuat perkiraan semula ke atas perkiraan ini dan sekiranya jumlah yang dikira berbeza dengan jumlah yang dibuat oleh Penyebutharga maka tawaran Penyebutharga menjadi tidak sah dan dengan sendirinya tertolak.

## 1.14 Pembetulan Kesalahan

Sebarang pindaan atau pembatalan dalam sebut harga oleh penyebutharga selepas dokumen tender dihantar adalah tidak dibenarkan sama sekali.

## 1.15 Rasuah

- a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).



- c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Petender atau Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- d) Mana-mana Syarikat atau Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## **1.16 Perubahan Syarat-Syarat**

- a) Kerajaan sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan, perkhidmatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- b) Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut, maka harga yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

## **1.17 Pertikaian**

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan dengan Syarikat mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan dengan Syarikat, dirujuk kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh Kerajaan dan seorang oleh Syarikat. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini

## **1.18 Penamatan Persetujuan**

- a) Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebutharga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Kerajaan boleh terus menamatkan persetujuan;
- b) Jika Penyebutharga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;
- c) Jika Penyebutharga itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Syarikat itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah Pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika Kontraktor itu adalah

syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang siputang dilantik atau jika timbul keadaan - keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan.

Atau

Jika Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebutharga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebutharga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan balik ganti rosak.

## 1.19 Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

Merujuk kepada Surat Arahan Perbendaharaan rujukan S/K.Kew/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld 26 SK. 7 (3) bertarikh 28 Februari 2009.

- i. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- ii. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- iii. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan syarikat atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- iv. Mana-mana syarikat atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

## 1.20 Makluman

Penyebutharga dinasihatkan supaya menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah jika memerlukan penjelasan lanjut berkenaan sebut harga ini sebelum tamat tempoh penyerahan tawaran sebutharga:

- Encik Shahrul Akmar Bin Mat Isa : 03-55447889
- Encik Azhar Bin Mohamed : 03-55212484

-----Ruangan ini dibiarkan kosong-----

### SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

#### 1. PEMERIKSAN TAPAK

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis perkhidmatan bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan perkhidmatan, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan tender. Sebarang tuntutan yang timbul akibat dari kegagalan kontraktor memenuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

#### 2. PERATURAN PERLAKSANAAN PENGHANTARAN PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan butir-butir perkhidmatan dalam Ringkasan sebut harga, syarat-syarat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga dan Arahan Pegawai Yang Di beri kuasa atau Wakilnya.

#### 3. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan perkhidmatan kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah sebut harga ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Yang Di beri kuasa.

#### 4. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU PERKHIDMATAN OLEH PEGAWAI YANG DIBERIKUASA.

- 4.1 Pegawai Yang Di beri kuasa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil perkhidmatan yang tidak menepati spesifikasi. Bahan-barang dan perkhidmatan yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.
- 4.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 4.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara penghantaran perkhidmatan yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Yang Di beri kuasa secara bertulis.

#### 5. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 5.1 Ringkasan sebut harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga, hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga. Harga-harga dalam Ringkasan sebut harga hendaklah mengambil kira semula kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penghantaran perkhidmatan yang sempurna.

- 5.2 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi penyelarasan harga akibat daripada perubahan harga kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh perkhidmatan.
- 5.3 Sekiranya tender berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

## **6. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 6.1 Dokumen tender adalah dikira jelas menjelaskan antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan penghantaran dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen sebut harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 6.2 Jika kontraktor mendapati apa-apa pencanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada pegawai yang di beri kuasa untuk mendapatkan keputusan.

## **7. PERUBAHAN KERJA (VO)**

- 7.1 Pegawai Yang diberi kuasa boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan perkhidmatan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Yang Diberikuasa boleh membatalkan tender ini.
- 7.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Yang Diberikuasa akan diukur dan dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ Ringkasan tender. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Yang Diberikuasa dan kontraktor hendaklah digunakan.

## **8. PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

- 8.1 Pegawai yang diberi kuasa berhak membatalkan Pesanan Kerajaan sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada pegawai yang diberikuasa.
  - a) Sekiranya Kontraktor gagal menghantar perkhidmatan dalam tempoh masa penghantaran atau dalam tempoh lanjutan masa yang diberikan.
  - b) Kemajuan penghantaran perkhidmatan terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
  - c) Penggantungan perlaksanaan keseluruhan atau sebahagian Perkhidmatan, tanpa apa-apa sebab yang munasabah
  - d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Yang Diberikuasa tanpa apa-apa sebab yang munasabah.

e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

8.2 Sekiranya Perlantikan kontraktor ditamatkan pengesyoran tindakan tatatertib oleh Kementerian Kewangan akan diambil terhadap Kontraktor.

## 9. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan perkhidmatan. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

## 10. PEMOTONGAN PEMBAYARAN

Kerja mestilah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh pemilikan tapak bina. Kegagalan pihak kontraktor menyiapkan kerja dalam tempoh tersebut atau dalam masa yang dilanjutkan oleh Pegawai Penguasa secara bertulis serta pelbagai kesalahan lain yang ditemui, maka denda seperti di dalam **(Lampiran H)** akan dikenakan.

Potongan harga akan dibuat berdasarkan ringkasan harga tawaran sekiranya,

- i. prestasi kerja yang dijalankan tidak memuaskan Pegawai Penguasa. atau wakilnya;
- ii. bilangan pekerja yang tidak mencukupi di Tapak Kerja seperti yang disyaratkan;
- iii. Kerja-Kerja Tersebut tidak disempurnakan sepenuhnya; dan
- iv. tidak mematuhi perkara di dalam jadual harga dan skop kerja.

\* Pemotongan bagi ketidak cukupan bilangan pekerja di tapak kerja akan digandakan sebanyak **2 kali ganda** nilai gaji seperti yang ditetapkan di Borang Tawaran.

\* Contoh Pengiraan : Nilai gaji Pekerja Am (Seorang) : RM1,200.00/Bulan

: Nilai Pemotongan : **Gaji Sebulan x 2**

: **RM1,200.00 x 2 = RM2,400.00**

## 11. MESIN PERALATAN

11.1 Kontraktor adalah dianggap telah melawat tapak kerja dan mengetahui beban pekerjaan, jenis peralatan, mesin dan lain-lain lagi bagi kesempurnaan kerja kerana tuntutan perbelanjaan tambahan di atas kecuaiian pihak kontraktor tidak akan dipertimbangkan

11.2 Alat-alat ini hendaklah sentiasa berkeadaan baik. Peralatan ini hendaklah dipamerkan seminggu sebelum kerja-kerja bermula dan semasa pemeriksaan dilakukan dari masa ke semasa.

## 12. PAKAIAN PEKERJA

- 12.1 Pekerja hendaklah sentiasa memakai pakaian seragam syarikat, tanda nama, dan berkasut. Pakaian hendaklah sempurna kemas dan bersesuaian dengan tugas-tugas yang akan dilaksanakan. Pakaian yang menjolok mata adalah ditegah dan Pegawai Penguasa berhak mengarahkan mereka ini meninggalkan premis.
- 12.2 Kontraktor dikehendaki menyerahkan gambar ukuran pasport, salinan kad pengenalan / permit kerja / pas pekerja semua pekerja yang akan bekerja di **Kediaman Rasmi YAB Dato'Menteri Besar Selangor** sebelum atau pada hari pertama mereka menjalankan tugas pembersihan bangunan di bawah kontrak ini.

## 13. MENGGANTI PERALATAN YANG PECAH / ROSAK / HILANG

Kontraktor adalah dikehendaki membayar gantirugi atau menggantikan alat-alat / harta benda milik Kerajaan atau pelawat / peserta kursus atau pihak yang berurusan dalam Premis Kediaman rasmi YAB Dato'Menteri Besar Selangor yang dirosakkan / pecah / hilang atas kecuaiannya atau disebabkan oleh pekerja-pekerja pihak Kontraktor dalam tempoh perkhidmatan, sekurang-kurangnya dalam bentuk barang-barang yang sama. Kegagalan membuat penggantian akan menyebabkan potongan bayaran bulanan dibuat berasaskan harga asal barangan berkenaan. Dalam keadaan ini, sebarang bantahan dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.

## 14. PROSES PENGENALAN TUGAS

Satu proses pengenalan tugas akan diadakan sebelum kerja sebenar bermula tanpa sebarang bayaran. Proses pengenalan tugas hendaklah dilakukan bersama dengan Pegawai Penguasa atau wakil / wakil-wakilnya. Antara perkara-perkara yang akan dilakukan ialah:

- i. mengemukakan senarai butir-butir pekerja serta Penyelia yang bertugas;
- ii. menyediakan jadual tugas;
- iii. mempamerkan alat-alat yang dimiliki oleh Kontraktor;
- iv. menyerahkan contoh-contoh bahan kimia dan bahan lain yang diperlukan kepada Pegawai Penguasa atau wakil / wakil-wakilnya; dan
- v. membuat jadual kerja mengikut kawasan dan tugas-tugas yang akan dijalankan.
- vi. Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja dan peralatan untuk kerja-kerja yang berkaitan seperti yang dikehendaki oleh Pegawai Penguasa.

## 15. TAPAK KERJA

- i. Kediaman Rasmi YAB Dato' Menteri Besar Selangor

16. Waktu Bertugas

- Isnin hingga Jumaat - 8.00 pagi hingga 5.00 petang
- Sabtu - 8:00 pagi hingga 12.00 tengahari
- Ahad/ Cuti umum - bergantung kepada keperluan  
(cth: majlis, acara, pemeriksaan yang tidak boleh dilaksanakan pada waktu pejabat)

\* sekiranya berlaku kecemasan, kontraktor perlulah menghadirkan diri bagi mengatasi masalah tersebut selewat-lewatnya dalam tempoh setengah jam (30 minit) setelah laporan/panggilan diterima.

\* Kontraktor perlulah bersedia untuk dipanggil bertugas pada bila-bila masa jika diperlukan oleh Pegawai Penguasa. Tiada pertambahan kos dibenarkan sekiranya pihak kontraktor bekerja di luar waktu bekerja biasa dan ia perlu dimasukkan ke dalam kos penyelenggaraan bulanan.

\* atau mengikut skop perkhidmatan (cth: menyiram pokok setiap hari)

\* sekiranya terdapat majlis diadakan di luar waktu bekerja, kontraktor diminta bekerja bagi persiapan dan juga pelaksanaan majlis tersebut dan cuti ganti bolehlah diambil pada hari lain dan perlu diselaraskan oleh pihak kontraktor tanpa mengganggu operasi harian, persiapan atau pelaksanaan majlis. Pelarasan ini perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Penguasa. Tiada pertambahan kos dibenarkan sekiranya pihak kontraktor bekerja di luar waktu bekerja biasa dan ia perlu dimasukkan ke dalam kos penyelenggaraan bulanan.

17. PENAMATAN KONTRAK DARI PIHAK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Tiada apa-apa peruntukan di dalam Kontrak ini boleh mengecualikan kuasa Pegawai Penguasa dari Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menamatkan Kontrak ini yang pada pandangannya wajar tanpa memberi apa-apa sebab dengan memberi **SATU (1) bulan** notis bertulis kepada Kontraktor.

Tandatangan Kontraktor: .....

Alamat/ Cap Kontraktor: .....  
.....  
.....  
.....

Tarikh: .....

-----Ruangan ini dibiarkan kosong-----



## SYARAT-SYARAT TENDER

Petender hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai Tender. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan Tender tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

### 1. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI TENDER

- 1.1 Syarikat yang hendak menyertai Tender ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran di dalam skop kerja yang terlibat disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah atau pun hampir tamat, Petender hendaklah mengemukakan salinan surat dari Kementerian Kewangan Malaysia yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

### 2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga-harga yang ditawarkan Penyebutharga adalah termasuk semua kos seperti pengangkutan, perkhidmatan, peralatan, insuran dan lain-lain yang bersangkutan dengan **SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DALAMAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN DI KEDIAMAN RASMI YAB. DATO'MENTERI BESAR SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (2021 - 2023); NO. SEBUT HARGA: SH/SUKSEL/08-2021**
- 2.2 Penyebutharga dinasihatkan supaya memahami butir-butir kerja/ kawasan dan sebarang risiko yang mungkin berlaku yang boleh mempengaruhi harga Kawasan. **Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tidak akan menanggung sebarang pertambahan kenaikan harga;** dan
- 2.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga in ditutup dan akan berkuat kuasa selama dalam tempoh sah laku Sebut harga..
- 2.4 Penyebutharga yang berjaya ditawarkan Sebut Harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kerja berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

### 3. PERTIMBANGAN TAWARAN

Tawaran ini akan dipertimbangkan berasaskan daya saing harga, keupayaan kewangan syarikat, pengalaman petender dalam bidang kerja, rekod prestasi penender dan faktor-faktor tambahan lain yang mungkin berkaitan. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan terikat untuk menawarkan kontrak kepada Petender yang menawarkan harga terendah.

### 4. PERATURAN PEMBAYARAN

Tuntutan akan dimajukan ke Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan. Bayaran penuh setiap bulan hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja-kerja dengan sempurna pada bulan tersebut. Invois dan rekod kerja hendaklah dihantar sebelum atau pada 10hb bulan

berikutnya. Pengesahan dari penyelia mengenai kesempurnaan kerja hendaklah dihantar semasa membuat tuntutan.

## 5. SURAT SETUJU TERIMA

Surat Setuju Terima (LOA) akan dihantar oleh Bahagian Khidmat Pengurusan kepada Penyebutharga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebutharga ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Penyebut Harga tanpa mengambil kira sama ada Kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

-----Ruangan ini dibiarkan kosong-----

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DALAMAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN DI KEDIAMAN RASMI YAB. DATO'MENTERI BESAR SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (2021 – 2023): NO. SEBUT HARGA :SH/SUKSEL/08-2021**

Saya, ..... No. K.P.: ..... yang mewakili ..... No. Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam..... atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebut harga\* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi ~~tender~~/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi ~~tender~~/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
( ..... )  
No. Kad Pengenalan:

Cap Syarikat:

Catatan: i) \*Potong mana yang tidak berkenaan.

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

(Wajib diisi oleh Penyebut Harga)

**SURAT PERWAKILAN KUASA**

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**  
Unit Pentadbiran Am Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tingkat 18 Bangunan SSAAS  
40503 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh:

Tuan,

**PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya, .....  
No. K.P.: ..... selaku pemilik syarikat  
..... akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan  
dengan urusan perolehan **SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN  
DALAMAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN DI KEDIAMAN RASMI YAB.  
DATO'MENTERI BESAR SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (2021 –  
2023); NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/08-2021 atau** \*mewakulkan kuasa untuk  
menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu:

- a) Nama : .....
- b) Alamat : .....
- .....
- .....
- c) Jawatan : .....
- d) No. K.P. : .....
- e) No. Telefon : .....
- f) No. Faks : .....
- .....
- g) Alamat E-mel : .....

*Nota : \*Butiran 2(a) hingga (g) perlu diisi sekiranya syarikat diwakili oleh individu selain daripada pemilik syarikat.*

3. Sehubungan dengan itu, dikemukakan untuk makluman/ rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....  
Nama Pemilik Syarikat:  
Jawatan :  
Cap Syarikat :

### KETERANGAN MENGENAI PETENDER

**1. NAMA PETENDER:**

(Syarikat)

**2. ALAMAT PETENDER:**

i. Ibu Pejabat:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

ii. Cawangan:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**3. TELEFON PETENDER:**

i. Ibu Pejabat : \_\_\_\_\_

ii. Telefon Bimbit: \_\_\_\_\_

iii. Faks : \_\_\_\_\_

iv. Cawangan : \_\_\_\_\_

**4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN**

4.1. Tempoh Pendaftaran Mulai : \_\_\_\_\_  
(Wajib menyertakan salinan sijil) Hingga: \_\_\_\_\_

4.2. Taraf Penyebut Harga: \*Bumiputra/ Bukan Bumiputra  
(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

**5. MODAL PETENDER: (Isi mana yang berkenaan sahaja)**

5.1. Perseorangan/Perkongsian: RM \_\_\_\_\_

5.2. Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)/Berhad (Bhd):

5.2.1. Modal Dibenar: RM \_\_\_\_\_

5.2.2. Modal Dibayar: RM \_\_\_\_\_

**6. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)**

6.1. Perseorangan:

Nama Pemilik: \_\_\_\_\_

No. K.P.: \_\_\_\_\_

## 6.2. Perkongsian:

| Nama Pekongsi | No. Kad Pengenalan | % Kongsian |
|---------------|--------------------|------------|
|               |                    |            |
|               |                    |            |
|               |                    |            |

## 6.3. Sendirian Berhad/Berhad

| Nama Pemegang Saham | No. Kad Pengenalan | % Bahagian |
|---------------------|--------------------|------------|
|                     |                    |            |
|                     |                    |            |
|                     |                    |            |

*(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)*

## 7. PENGALAMAN:

*(Sila nyatakan pengalaman berkaitan sebagai Lampiran S kepada Sebut Harga ini)*

## 8. PENYATA KEWANGAN BAGI BULAN TERAKHIR

*(Berdasarkan kepada bulan tarikh Sebut Harga dikeluarkan)*

Baki Akaun Bank Tertinggi : \_\_\_\_\_

Baki Akaun Bank Terendah: \_\_\_\_\_

Penyata Bank mulai : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Nilai Aset Semasa : \_\_\_\_\_

Nilai Liabiliti Semasa : \_\_\_\_\_

**\*\* PETENDER WAJIB** menyertakan **PENYATA KEWANGAN** dan kegagalan menyertakan borang berkenaan akan menyebabkan Tender tidak akan dipertimbangkan.

### SURAT AKUAN PETENDER

Kepada:

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**  
Unit Pentadbiran Am Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tingkat 18 Bangunan SSAAS  
40503 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DALAMAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN DI KEDIAMAN RASMI YAB. DATO'MENTERI BESAR SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (2021 – 2023); NO. SEBUT HARGA: SH/SUKSEL/08-2021**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ mengambil bahagian dalam **SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DALAMAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN DI KEDIAMAN RASMI YAB. DATO'MENTERI BESAR SELANGOR BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (2021 – 2023); NO. SEBUT HARGA : SH/SUKSEL/08-2021** Harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah (berjumlah RM ; \_\_\_\_\_) Ringgit Malaysia : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ )

2. Syarikat sebagai Penyebutharga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat Sebut Harga dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen Sebut Harga. Syarikat juga telah memahami bahawa pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.

3. Syarikat bersetuju bahawa harga Sebut Harga yang ditawarkan ini laku (*valid*) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup Sebut Harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada Sebut Harga ini dan meminda harga.

4. Selanjutnya sekiranya Sebut Harga syarikat ini diterima, syarikat akan memberi cagaran keselamatan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh terima surat tawaran daripada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas perkhidmatan yang dibuat kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor setelah perkhidmatan tersebut disahkan oleh Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan yang bertanggungjawab di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

5. Kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa dokumen Sebut Harga yang digunakan untuk Sebut Harga ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

.....  
(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama:

No. Kad Pengenalan:

